

KENYATAAN MEDIA

16 OKTOBER 2017

ST Arah Pelupusan Kelengkapan Elektrik Yang Tidak Selamat

Putrajaya, 16 Okt – Dalam usaha memastikan keselamatan orang awam dalam penggunaan elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengarahkan pelupusan 100 unit cerek elektrik bernilai hampir RM3,000 baru-baru ini. Kelengkapan elektrik tersebut dilupuskan di gudang simpanan di Menglembu, Perak, kerana didapati gagal mematuhi syarat yang ditetapkan oleh ST.

Cerek elektrik tersebut, yang dibawa masuk ke negara ini oleh MW Chemicals Sdn Bhd melalui Pelabuhan Klang dari China, didapati tidak mematuhi standard keselamatan termasuk mempunyai jenama yang berbeza daripada jenama yang diluluskan dalam Perakuan Kelulusan, tiada penandaan (*marking*) pada sampel dan tidak disertakan manual penggunaan.

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik, Mohd Elmi bin Anas berkata kesemua pengimport kelengkapan elektrik di negara ini perlu mendapatkan Perakuan Kelulusan (Certificate of Approval) terlebih dahulu dari pihak ST sebelum membawa masuk sebarang produk.

“Pengimport juga digesa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perakuan Kelulusan. Kelengkapan elektrik yang gagal mematuhi syarat hendaklah dipulangkan atau dilupus dan tidak dibenarkan dijual di pasaran negara ini kerana keselamatannya tidak terjamin.”

“Dalam hal ini, ST ingin menyarankan agar syarikat-syarikat lain mencontohi MW Chemicals Sdn Bhd kerana bekerjasama dengan ST untuk melupuskan produk-produk tersebut demi keselamatan pengguna,” katanya.

Mengikut rekod ST, antara sebab-sebab lain yang menyebabkan sesuatu produk gagal menepati syarat yang ditetapkan termasuklah:

1. Isi kandungan Laporan Ujian diubah mengikut kepentingan pemohon berkaitan dengan produk yang dipohon.
2. Sampel yang diperiksa dan diuji oleh SIRIM berlainan daripada produk rujukan dalam Laporan Ujian.
3. Produk daripada *different batching*, mempunyai rupa bentuk dan rekabentuk yang berlainan meskipun tetap mempunyai jenama dan model yang sama seperti yang dipohon sebelumnya.
4. Komponen kritikal berlainan daripada yang tersenarai dalam Laporan Ujian.
5. Keadaan komponen tidak memenuhi keperluan tropikal negara.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/ Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 /+603 8870 8598/ +603 – 8870 8537 /

+6013 2183778 (Zairulliati) / +6019 313 4543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/ zairulliati@st.gov.my/ ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.